

O UT

U

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



One Cent Thief 2: Digital Karma,

Syafiq Kyle

LEBIH "INTENSE"

SYAFIQ KYLE



Selepas kejayaan luar biasa One Cent Thief dua tahun lalu, kini siri fenomena itu kembali dengan musim kedua iaitu One Cent Thief 2 : Digital Karma.

Menariknya, ini merupakan kali pertama siri premium di bawah jenama Astro Originals tampil dengan sekuel.

Menurut teraju utamanya, Syafiq Kyle, One Cent Thief 2 : Digital Karma ini menjanjikan naskah hebat ini lebih aksi dan konflik yang lebih besar.


"Cabaran untuk musim kedua ini adalah jalan penceritaannya lebih 'harsh' sedikit tetapi saya menyukainya. Selain itu, dari segi aksi juga bertambah."

"Apa yang saya boleh cakap musim kedua ini lebih banyak penambahan watak untuk cerita berkembang dan lebih menarik saya rasa," ujarnya teruja.

Antara pengorbanan yang dilakukan Syafiq demi One Cent Thief 2: Digital Karma ini adalah masa dan tenaga.

"Kalau nak bercakap soal pengorbanan, lebih banyak kepada pengorbanan masa, tidur tak cukup sebab penggambaran banyak dilakukan pada waktu malam sehingga pagi."

"Selain itu tenaga sebab saya rasa yang kedua ini



memerlukan lebih banyak tenaga untuk melakukan babak lari, berlawan dan babak intense yang melibatkan ramai orang, jadi kita kena buat berkali-kali."

"Saya rasa saya sudah berkorban masa saya untuk terus fit dan habiskan penggambaran kali ini," katanya.

Dipersembahkan oleh Astro Shaw bersama syarikat produksi Independent Pictures Sdn Bhd, One Cent Thief 2: Digital Karma akan ditayangkan secara eksklusif pada Januari 2025 di Astro Go, On Demand & Astro Premier.

Dibintangi oleh Syafiq Kyle, Azira Shafinaz, Faizal Hussein, Fabian Loo dan Sofia Jane.

One Cent Thief 2: Digital Karma yang diarahkan oleh Ariff Zulkarnain dan Alfie Palermo ini juga turut memperkenalkan tiga penambahan watak baharu.

Watak-watak tersebut akan dimainkan oleh Trisha Ooi, Syarul Ezani dan Shashi Tharan. - MYA AMRI



Jika anda merupakan pembaca bukan dalam kalangan pengikut pempengaruh di media sosial, sepasang nama Jofliam dan Cik Epal akan kedengaran sangat asing.

Mereka bukan selebriti, penyanyi, pelakon, hos atau karyawan seni yang telah atau sedang memberi sumbangan kepada industri hiburan tempatan.

Jofliam dan Cik Epal hanyalah pempengaruh yang diminati di media sosial selain usahawan produk. Namun pasangan ini sangat popular di alam maya sehingga mempunyai ratusan ribu pengikut setaraf selebriti.

Bagaimana kronologi cinta, alam rumah tangga sehingga kisah perceraian mereka menjadi sorotan umum.

Mustang & Stroller

Pasangan yang dikenali dengan nama komersial Jofliam dan Cik Epal mula menjadi buah mulut sekitar tahun 2019 selepas wanita tersebut memberi suaminya hadiah sebijik kereta Ford Mustang 5.0 berharga RM599,000 yang dibeli secara tunai!

Pada tahun sama, mereka tular selepas Jofliam membeli stroller bayi yang berharga RM3,000 kerana malas berpatah balik ke rumah sebelum bergegas ke sebuah acara.

Percutian & Jenama Mewah

Sewaktu masih menjadi suami isteri, pasangan yang memiliki sepasang anak iaitu Han dan Yuki sering berkongsi aktiviti termasuk percutian dan pembelian barang jenama antarabangsa serta mewah di laman sosial Instagram.

Mereka antaranya dilihat kerap keluar bercuti termasuk ke Finland, Itali, Jepun, Hungary, dan Prague.

Tidak hanya itu Cik Epal selalu berkongsi mengenai harga barang berjenama yang dibeli termasuk pernah menghadiahkan Jofliam seutas jam tangan jenama mewah Hublot dianggar bernilai hampir RM100,000.

Cerai Lepas 10 Tahun, Cinta Jofliam, Cik Epal Jangan Jadi Benci

Namun Cik Epal cukup terkenal sebagai jutawan berhijab yang sering memakai tudung berharga sekitar bawah RM10.

Curang

Isu curang mula timbul bulan lalu apabila Jofliam menerusi perkongsian di Insta Story menafikan dirinya berbuat demikian di belakang isteri.

Lelaki dengan nama sebenar Jofli Abu Bakar, 36, itu menafikan menjalin hubungan sulit bersama salah seorang pekerja pizza miliknya bernama Dewi sehingga membuat rumah tangga mereka berantakan.

Cik Epal atau nama sebenarnya, Murni Mahmud bagaimanapun mengambil pendekatan berdiam diri terhadap konflik rumah tangga yang terjadi.

Cerai, Fattah Amin

Pada awal Oktober, Jofliam mengumumkan dia dan Cik Epal rasmi bercerai selepas 10 tahun berkahwin.

'Cinta yang wangi' bertukar menjadi benci apabila Jofliam dilihat cuba memburukkan sikap bekas isteri dengan meracuni pemikiran anaknya.

Jofliam juga dilihat tidak senang dengan tindakan segelintir peminat yang cuba menjodohkan Cik Epal bersama pelakon Fattah Amin yang juga baru bercerai dengan Fazura.

Dia menggelar bekas isterinya seperti tidak mempunyai maruah kerana 'menyambut' perjodohan bersama Fattah Amin dan mengingatkan Cik Epal tentang masih berada dalam iddah.

Cik Epal yang menyifatkan sikap Jofliam yang digelar duda sebagai 'meroyan', meminta maaf dan memberitahu hanya akan mula mengambil tawaran bekerja selepas tamat tempoh iddah. - MALIAH SURIP



Insiden Babit Pesakit Mental, Jangan Remeh Kesihatan

Masalah gangguan kesihatan mental kini bukan satu tabu untuk dibicarakan umum. Bukan kerana membuka aib namun topik kesihatan mental perlu disebar luaskan agar para pesakit sentiasa menjaga kesihatan dengan menjalani rawatan secara berkala selain membuat masyarakat cakna terhadap permasalahan yang bakal timbul jika mengambil remeh tentang penyakit yang 'tidak nampak di mata'.

Buat seluruh rakyat Malaysia, ayuh kita sama-sama cakna dan lebih prihatin terhadap pesakit masalah gangguan kesihatan dan buat pesakit, tolong memperakui diri sedang sakit demi kesejahteraan bersama sebelum sesuatu lebih buruk berlaku seperti beberapa insiden berikut;



Wanita Rempuh 3 Pelajar Maut, 1 Cedera

Insiden seorang wanita dipercayai mengalami masalah kesihatan mental merempuh empat pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun, Terengganu Rabu lepas hingga menyebabkan tiga daripadanya maut, amat menyayat hati. Tiga pelajar yang terkorban adalah Ku Adib Aizad Ku Azmi, 20, Khairil Anwar Jamaludin, 20, dan Muhammad Akmal Md Tukirin, 25, manakala Muhammad Ammar Danish Muhammad Ridhuan, 20, yang cedera baru dibenarkan keluar daripada hospital.

Suspek, 49, ketika kejadian memandu kenderaan jenis SUV. Dia yang didakwa mempunyai masalah gangguan mental diketahui telah keluar rumah tanpa pengetahuan keluarga.

Menurut suaminya, Azhar Ahmad, 53, isterinya mengalami masalah gangguan mental selepas kehilangan bayi mereka 10 tahun lalu. Namun menerusi semakan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu mendapati wanita tersebut tidak pernah mendapatkan rawatan di mana-mana pusat kesihatan atau hospital di negeri tersebut.

Terkini Berita Harian melaporkan suspek berdepan tiga pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan oleh Mahkamah Majistret. Mahkamah kemudiannya memerintahkan tertuduh menjalani pemeriksaan mental di Hospital Permai Johor Bharu dan menetapkan 17 November depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Pesara Guru Maut Ditikam Anak

Seorang pesara guru maut akibat ditikam anaknya yang juga pesakit mental di rumah mereka di Kuala Pilah, Negeri Sembilan sekitar awal bulan ini. Kejadian jam 4.30 petang itu dikatakan berlaku ketika mangsa cuba memujuk suspek yang cuba membunuh diri.

Selepas menikam mangsa, suspek melarikan diri dengan menggunakan kereta dan berjaya ditemui di tepi jalan Pekan Senaling dalam keadaan terbaring dengan mulut berbuih. Motif kejadian dipercayai suspek mengalami halusinasi dan cuba membunuh diri, namun semasa dipujuk oleh mangsa, suspek secara tiba-tiba bertindak agresif dan menikam mangsa.

Vokalis Linkin Park Bunuh Diri

Kematian vokalis Linkin Park, Chester Bennington pada 20 Julai 2017 amat mengejutkan dunia hiburan. Hal ini kerana Bennington ditemui maut dalam keadaan menggantung diri di kediamannya di Los Angeles. Bennington yang menghembuskan nafas terakhir pada usia 41 tahun mengambil nyawa sendiri dipercayai bertarung dengan masalah kemurungan, ketagihan alkohol dan dadah serta trauma masa lampau.

Selain Bennington, antara bintang terkenal yang meninggal dunia akibat bunuh diri kerana masalah gangguan kesihatan mental adalah sahabat baik Bennington, vokalis Chris Cornell dan aktor Robin Williams.




GEMPAK SINEMA



Sebuah dokumentari baru mengenai Ratu Pop Indonesia, Rossa, meneroka perjalanan muzik, kerjaya, dan kisah cinta beliau, termasuk di sebalik lagu-lagu malar segarnya.

Diterbitkan oleh Time International Films dengan kerjasama Inspire Pictures dan Sinemaku Pictures, dokumentari ini akan ditayangkan di pawagam Malaysia bermula 18 Oktober 2024.

Filem ini turut menampilkan perjalanan konsert 'Rossa 25 Shining Years' dan pandangan individu rapat Rossa seperti Rizky Langit Ramadhan, Melly Goeslaw, Ariel, Afgan, dan ramai lagi, yang mendedahkan sisi peribadi Rossa yang tidak pernah diketahui umum sepanjang 25 tahun kerjayanya.



Saksikan bakat luar biasa TAEYONG NCT dalam konsert solo pertamanya 'TY TRACK' di pawagam! Rasai dunia memukau TAEYONG dengan muzik dan persembahan yang memikat. 'TY TRACK' membawa visi seni uniknya di layar sinematik, termasuk perjalanan di belakang tabir serta kisah-kisah peribadi yang ingin dikongsinya.



Mengisahkan Reeza bertemu dengan seorang gadis cantik bernama Myra yang bersembunyi di dalam bonet keretanya. Sejak itu hidupnya menjadi huru-hara apabila dia dan Myra telah menjadi buruan daripada orang misteri.

Belum Mulai, Fattah Amin & Fatin Nabila Paling Trending Carta GMW

Lagu popular nyanyian band Insomniacks dan Nabila Taqiyyah menjadi muzik video paling trending minggu ini mengalahkan Puas Sudah (Aina Abdul), Masing-Masing (Ernie Zakri) dan Classic (DOLLA).

Manakala, duda paling hot Fattah Amin merajai takhta Selebriti Trending, menumpaskan Anna Jobling, Jazmy Juma, Meerqueen dan Scha Elinnea.

Bagi kategori Digital Creator Trending (Motivation/Education) pula didominasi oleh Fatin Nabila diikuti rapat Siti Awe, Adzrin Adzhar, Alpha Zaki dan Liyana Azizan.

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2024.

Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

LAGU/AUDIO TRENDING

- 1 Cinta Tak Pernah Tepat Waktu - Aina Abdul ft Fabio Asher
- 2 Alahai - Ezra Kairo
- 3 Sangkar Derita - Haqiem Rusli
- 4 Musnah - Danial Kifli
- 5 Chentaku - Zizan feat. SonaOne

VIDEO MUZIK TRENDING

- 1 Belum Mulai - Insomniacks & Nabila Taqiyyah
- 2 Puas Sudah - Aina Abdul
- 3 Masing - Masing - Ernie Zakri & Ade Govinda
- 4 Classic - DOLLA
- 5 OMK - Zubir Khan ft Ezra Kairo

SELEBRITI TRENDING

- 1 Fattah Amin
- 2 Anna Jobling
- 3 Jazmy Juma
- 4 Meerqueen
- 5 Scha Elinnea

DIGITAL CREATOR TRENDING (MOTIVATION/EDUCATION)

- 1 Fatin Nabila
- 2 Siti Awe
- 3 Adzrin Adzhar
- 4 Alpha Zaki
- 5 Liyana Azizan

Gempak Most Wanted
Gempak Most Wanted merupakan sebuah rangkaian carta interaktif mingguan memfokuskan segala yang trending, viral & serasi di semua platform digital. Dihasikan oleh Aneka Henderson & Sean Lee.

Carta Mingguan Gempak Most Wanted
Undi carta mingguan Gempak Most Wanted sekerang dan tentukan Top 5 setiap minggu!

HANTARKAN PENCALONAN UMUM ANDA **UNDI CALON BULAN OGOS SEKARANG!** **CARTA MINGGUAN**

Project; Exit Kupas Isu Kesihatan Mental & Konflik Keluarga



Astro Originals mempersembahkan siri premium terbaru, Project; Exit, terbitan Astro Shaw dan Telltale Studios Sdn Bhd. Siri ini meneruskan legasi Project Universe, menumpukan pada isu kesihatan mental dalam kalangan pelajar. Penerbit Eksekutif, Raja Jastina Raja Arshad, menyatakan bahawa isu ini dipilih kerana peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan generasi muda.

Pengarah Project; Exit, Zulaikha Zakaria, terinspirasi untuk mencipta siri ini selepas pandemik COVID-19. "Walaupun perbincangan mengenai isu kesihatan mental semakin meningkat, ia masih merupakan topik sensitif di Malaysia."

"Matlamat saya adalah untuk meneroka isu ini dengan cara yang memberi makna tanpa menimbulkan ketakutan dalam kalangan penonton," katanya.

Project; Exit menceritakan empat remaja yang merancang melarikan diri dari pusat pemulihan akhlak, INSAN, yang menyeksa mereka secara mental. Dipimpin oleh Jannah, mereka menemui rahsia tempat tersebut melalui diari arwah bapanya dan bekerjasama dengan rakan-rakan lain untuk mencari kebebasan.

Siri penuh saspensi ini dibintangi oleh Shasha Abedul (Jannah), Mierul Aiman (Hadi), Naim Daniel (Ucop), Kimberly Chuah (Amy), Nabila Huda (Ibu Zan), Tengku Nur Kamalia (Izzah), Farah Ahmad (Salina) dan ramai lagi. Siri ini bakal bersiaran pada 1 November 2024, jam 9 malam di Astro Premier (saluran 110) dan Astro Citra (saluruan 108).

Konflik Cinta dan Pengorbanan Dalam Andai Tiada Dia

Drama adaptasi novel karya Rissa Ahdiya bakal mengisi slot MegaDrama pada Oktober ini. Diarahkan oleh Riza Baharudin, drama terbitan Global Station itu mengangkat tema kekeluargaan.

Andai Tiada Dia mengisahkan perkahwinan Suri dan Haikal yang retak akibat kecurangan Haikal dengan adik Suri, Intan.

Selepas bercerai, Suri disahkan mengandung, dan Haikal cuba memujuknya kembali. Dalam masa yang sama, Falah hadir untuk membantu Suri ketika dia kesusahan.

Andai Tiada Dia dibintangi Hisham Hamid, Ummi Nazeera, Mimi Lana, Zahirl Adzim dan ramai lagi.

Drama 36 episod ini akan bersiaran setiap hari Isnin hingga Khamis pulak 10 malam di saluran Astro Ria



10,000 Duit Raya 'Terbang' Di Konsert M N45IR Cipta 2

Konsert M N45IR Cipta 2 menampilkan persembahan hebat Datuk M Nasir di Axiata Arena, dihadiri 8,000 penonton.

Penganjur, Icon Entertainment, mencipta momen istimewa dengan 'menerbangkan' 10,000 keping duit raya ketika lagu Suatu Hari Di Hari Raya dimainkan, simbolik nilai RM1 pada 45 tahun lalu.

M.Nasir menganggap simbolik ini bermakna, menunjukkan nilai kemanusiaan dan pemurah. Beliau juga mendedikasikan lagu tersebut buat mereka yang terkesan peperangan dan penindasan.

Koncert itu turut dihadiri selebriti terkenal seperti Wings, Spider, dan Akim Ahmad.



Konsert Raikan 20 Tahun Jaclyn Victor

Hampir 2,000 peminat hadir menyaksikan Jaclyn Victor First Solo Concert di Zepp, Kuala Lumpur, sempena 20 tahun kariernya.

Jaclyn, yang awalnya kurang yakin mengadakan konsert solo, menghiburkan peminat dengan 23 lagu, termasuk lagu-lagu popular seperti Sesal Tak Bermakna, Jagalah Diri, Cinta Tiada Akhirnya, Ikut Rentakku dan Gemilang. Rakan artis seperti Siti Nordiana, Hael Husaini, Shila Amzah dan Ning Baizura antara yang tampil bersama di pentas.





Emosional Sal Priadi Di KL

Konsert SAL PRIADI ZUZUZAZA LIVE IN KUALA LUMPUR di Zepp, Kuala Lumpur, berjaya memukau 2,500 peminat dengan persembahan emosional dan mendalam selama lebih 2 jam.

Sal Priadi, penyanyi dari Malang, Indonesia, menawan penonton dengan lagu-lagu hits seperti Semua Lagu Cinta dan Gala Bunga Matahari, mencipta suasana intim dan penuh 'healing'.


6 Affordable Places for Therapy in Malaysia

If you're seeking affordable mental health therapy in Malaysia, here are six options: HumanKind offers counseling services with diverse therapies; MIASA provides low-cost sessions for members and non-members; Cara Cara focuses on accessible therapy for personal growth; Agape Counselling Centre Malaysia has multiple locations with affordable rates; Befrienders offers emotional support and face-to-face sessions; and public hospitals provide low-cost services, though wait times can be long. Visit these centers' official websites for more details.



Brick-or-Treat: LEGOLAND Malaysia's Halloween Adventure

LEGOLAND Malaysia's Brick-or-Treat returns with a Halloween Monster Party from 3 October to 3 November 2024. Hosted by fan-favorite LEGO characters, the event offers live shows, scavenger hunts, costume contests, and sweet treats for all ages. Guests can also enjoy extended park hours and special discounts for annual pass holders. Activities include LEGO building, monster meet-and-greets, and games like the Dunk Challenge. For more details and ticket information, visit their official site and social media channels.



Infinite Returns to Malaysia After 12 Years

K-pop boy band Infinite is returning to Kuala Lumpur for their first group concert in 12 years as part of their 15th-anniversary tour. The event is scheduled for 22 February 2025 at Megastar Arena, Kuala Lumpur.

Known for hits like The Chaser and Back, the group last performed in Malaysia in 2013. For ticket details, visit Star Planet's official social media.